

13/01/1997

Etorovic tolak lamaran FAP

HASRAT Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) untuk mendapatkan semula khidmat bekas pemain tengahnya, Georg Etorovic, tidak kesampaian apabila majikan Georg, Malmo FC dari Sweden, enggan melepaskannya.

Timbalan Presidennya, Datuk Dr Ibrahim Saad, berkata Georg yang menghubungi FAP memberitahu bahawa Malmo enggan melepaskannya kerana khidmatnya sebagai jurulatih skuad remaja masih diperlukan.

Georg yang bermain dua musim untuk Pulau Pinang, kembali ke Sweden pada musim lalu dan berkhidmat dengan Malmo sebagai jurulatih pasukan remaja.

"Sehubungan itu, FAP masih membuka ruang mendapatkan khidmat penyerang dan pemain pertahanan luar negara bagi memantapkan gandingan dengan pemain import sedia ada, Merzagua Abderrazzak," katanya di Pulau Pinang semalam.

Dr Ibrahim berkata, selain itu, FAP menyusun semula barisan pemain tempatan dengan mengambil tiga pemain negeri lain untuk beraksi pada musim ini.

Pintu gol Pulau Pinang kini akan dikawal bekas penjaga gol Terengganu, Zambri Mahathir, manakala barisan tengah diperkuatkan menerusi gandingan Tan Cheng Hoe dari Kedah dan Khairi Moez dari Terengganu.

Dia berkata, penyusunan semula itu akan membabitkan semua 15 pemain tempatan sedia ada dan beberapa daripada mereka yang tidak terpilih menyertai skuad Liga Perdana akan diserapkan ke skuad Piala Presiden. - Bernama

(END)